

> Mega Agama

Capai persetujuan

Jakim, UMP syor tubuh undang-undang sihir



Peristiwa

PERBINCANGAN Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini mencapai persetujuan bagi mewujudkan satu undang-undang khusus mengenai jenayah sihir.

Keputusan dicapai melalui program muzakarah Kajian Undang-Undang Sihir anjuran Jakim melalui Jabatan Penasihat Undang-Undang yang diadakan di Hotel Eastin, Petaling Jaya, Selangor.

Justeru, pasukan kajian khas akan ditubuhkan bagi meneliti undang-undang tersebut yang diketuai oleh Pensyarah Kanan UPM, Dr. Mahyuddin Ismail yang

juga merupakan penulis buku *Ahli Sihir ke Tali Gantung*.

Muzakarah selama tiga hari iaitu pada 28 hingga 30 April lalu itu diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan mengenai pengamalan sihir di Malaysia dan pihak pelaksana yang terlibat secara langsung dalam menangani kes-kes berkaitan amalan sihir.

Program yang dihadiri oleh pakar dalam bidang sihir tersebut turut membincangkan mekanisme perundangan yang sesuai serta perkara-perkara lain yang berkaitan dalam usaha untuk menghasilkan kajian yang komprehensif bagi menangani isu berkaitan sihir.

Turut hadir Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama negeri, Ahli Akademik, wakil Kementerian Kesihatan, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil



BARISAN panel program muzakarah Kajian Undang-Undang Sihir anjuran Jakim melalui Jabatan Penasihat Undang-Undang yang diadakan di Hotel Eastin, Petaling Jaya, Selangor.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, pengamal pengubatan Islam dan pengamal undang-undang.

Sebanyak lapan tajuk kertas kerja serta satu perkongsian pengalaman dibentangkan menerusi perbincangan tersebut, antaranya bertajuk *Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir di Malaysia* oleh Dr. Mahyuddin, *Amalan Sihir*

Masyarakat Melayu oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia merangkap Ahli Jawatan Kuasa Fatwa, Datuk Dr. Amran Kasimin dan *Amalan Sihir Sebagai Satu Kesalahan: Pandangan dan Pengalaman Pengamal Undang-Undang* disampaikan oleh, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar.